

SIARAN MEDIA

PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS KABINET UNTUK PENGUKUHAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI SERTA PENYEIMBANGAN EKONOMI DAN PELAKSANAAN PKP YANG LEBIH EFEKTIF AKIBAT COVID-19

Mesyuarat Kabinet pada 1 April 2020 telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet untuk merencanakan langkah-langkah strategik dalam melindungi prestasi ekonomi Malaysia serta pasaran pekerjaan tempatan yang terimpak daripada COVID-19. Jawatankuasa Khas ini bertanggungjawab untuk mencari penyeimbangan antara pengukuhan segmen ekonomi negara dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang efektif.

Fokus-fokus yang lain termasuklah perangkaan strategi untuk menyokong prestasi enjin-enjin ekonomi Malaysia seperti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas sepanjang PKP serta mengurangkan kesan ke atas peluang pekerjaan di kalangan Rakyat Malaysia. Penubuhan Jawatankuasa Khas ini juga menggambarkan tindak balas Kerajaan yang responsif dalam menangani isu-isu yang disampaikan oleh Rakyat dan komuniti perniagaan Malaysia.

Jawatankuasa Khas ini akan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri YB Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali dan Menteri Kanan dan Menteri Pertahanan YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob. Ahli-ahli Jawatankuasa Khas ini turut terdiri daripada individu-individu yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan keselamatan negara.

Selain itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) akan menjalankan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang segmen-segmen ekonomi yang tertentu. Ini adalah penting bagi memastikan Jawatankuasa ini dapat memberi



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

cadangan-cadangan yang spesifik berkaitan komuniti perniagaan Malaysia terutamanya PKS, para pengilang dan pelabur. .

Jawatankuasa Khas Kabinet ini akan bersidang pada hari Jumaat, 3 April 2020 dan akan menjalankan mesyuarat keduanya pada hari Ahad, 5 April 2020. Pada akhir mesyuarat, cadangan-cadangan hasil perbincangan Jawatankuasa ini akan disampaikan kepada Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa perjumpaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (EAC) pada hari Isnin, 6 April 2020.

-TAMAT-

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)
Khamis, 2 April 2020**

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my